

Tradisi Sastera Johor-Riau: Suatu Tinjauan Awal



Puan Karitini Anwar

Pensyarah, Institut Pendidikan Nasional

Tarikh: Rabu, 19 September 2012
Masa: 10.30pg - 12.00tgh
Tempat: NIE3-03-39 (ALC Journal Room)
Institut Pendidikan Nasional, NTU

Abstrak

Kesusasteraan Melayu tradisional membuka tradisi penghasilan karya sastera yang terhasil dalam genre prosa mahupun puisi. Teks-teks tersebut datang dalam jenis yang pelbagai seperti Sastera Rakyat, Sastera Hikayat, Sastera Panji, Sastera Epik, Sastera Sejarah, Sastera Kitab, Sastera Undang-undang dan sebagainya. Teks-teks jenis Sastera Sejarah ditandai dengan penubuhan Kerajaan-kerajaan Melayu. Dalam kerajaan Johor-Riau, teks-teks syair banyak dihasilkan; seperti syair fiksyen, syair agama dan syair sejarah. Perbincangan ini merupakan tinjauan awal kami terhadap keistimewaan syair sebagai genre sastera dalam tradisi sastera Johor-Riau. Kami ingin mengesan kepentingan syair sejarah secara amnya dan kami juga memberi tumpuan kepada beberapa syair sejarah yang dihasilkan dalam kerajaan Johor-Riau untuk mengenalpasti peranan teks tersebut dalam merakam peristiwa sejarah dan keistimewaannya.

Biodata:

Kartini Anwar mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera (2001) dan ijazah Sarjana Sastera (2008) daripada Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, Diploma Pendidikan daripada Insitut Pendidikan Singapura. Beliau merupakan calon Doktor Falsafah dalam bidang sastera Melayu dan sedang mengusahakan kajian terhadap tradisi sastera Johor-Riau. Di Institut Pendidikan Nasional, beliau mengajar kursus-kursus sastera moden dan tradisional, kritikan sastera, sastera kanak-kanak dan sastera remaja. Sebelum bertugas di NIE, beliau berpengalaman mengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah.



Anda dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, Dr Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).